



JABATAN PERKHIDMATAN VETERINAR
KEMENTERIAN PERTANIAN DAN INDUSTRI MAKANAN
WISMA TANI, BLOK PODIUM 4G1, PRESINT 4
PUSAT PENTADBIRAN KERAJAAN PERSEKUTUAN
62630 PUTRAJAYA, MALAYSIA
Tel: +603 – 8870 2201 Fax: +603-8888 6051
(KPPV)
Email: kp@dvs.gov.my



KENYATAAN MEDIA

MALAYSIA SIAPSIAGA MENCEGAH PENULARAN PENYAKIT *LUMPY SKIN DISEASE (LSD)* PADA TERNAKAN LEMBU

1. Penyakit *Lumpy Skin Disease (LSD)* telah dilaporkan menular di beberapa negara Asia termasuk India, Bangladesh, Nepal, Bhutan, China, Chinese Taipei, Vietnam, Myanmar dan terkini di Thailand.
2. Penyakit LSD disebabkan oleh virus Poxviridae dan boleh tersebar dikalangan ternakan lembu melalui gigitan vektor serangga seperti nyamuk dan sengkenit serta boleh berjangkit melalui rembesan air liur dan hidung ternakan lembu yang terjangkit. Tanda-tanda klinikal pada ternakan lembu terjangkit adalah nodular pada kulit di sebahagian atau keseluruhan tubuh lembu.
3. Tiada rawatan khusus untuk penyakit LSD. Ternakan lembu yang terjangkit boleh diberikan rawatan bagi mengelak jangkitan sekunder menerusi pemberian antibiotik, anti-inflamatori dan vitamin.
4. Walaupun penyakit LSD tidak menyebabkan kematian yang tinggi, tetapi ia memberi kesan ekonomi kepada industri penternakan lembu dan kerugian kepada penternak akibat penurunan pengeluaran susu pada lembu tenusu, penurunan berat badan, keguguran dan kemandulan kepada lembu pejantan.
5. Penyakit LSD tidak zoonotik, iaitu tidak menjangkiti manusia. Sehubungan itu, Jabatan Perkhidmatan Veterinar **menafikan** gambar individu yang tular dengan gejala di bawah mata disebabkan jangkitan LSD.

6. Jabatan Perkhidmatan Veterinar juga ingin memaklumkan bahawa berita yang tular berkaitan “Elakkan membeli daging segar yang dijangkiti penyakit lembu di Perak” adalah **tidak benar**.
7. Jabatan Perkhidmatan Veterinar telah mengaktifkan program surveilan bagi mengesan, mengawal dan mencegah penularan penyakit LSD pada ternakan lembu di seluruh negara. Setakat ini, sebanyak 81,252 ekor ternakan lembu di 9,108 premis/ladang telah diperiksa dan mendapati 89 ekor (0.1%) menunjukkan gejala jangkitan LSD.
8. Sebagai usaha mencegah penularan penyakit LSD menerusi kemasukan ternakan lembu yang di import, Jabatan Perkhidmatan Veterinar juga telah menetapkan syarat import lembu hidup daripada luar negara. Dengan kerjasama MAQIS memperkemas kawalan di pintu masuk negara di sempadan Malaysia dan mengambil tindakan ke atas mana-mana konsainan lembu import yang menunjukkan gejala penyakit LSD di Stesen Kuarantin.
9. Jabatan Perkhidmatan Veterinar memohon kerjasama pemain industri termasuk pengimport, peraih dan penternak lembu supaya segera menghubungi pejabat perkhidmatan Veterinar di negeri atau daerah berdekatan sekiranya mengesyaki ternakan lembu di dalam jagaan atau kandang menunjukkan gejala penyakit LSD. Persampelan akan dijalankan untuk tujuan pengesanan penyakit. Ternakan lembu yang terjangkit perlu diasingkan dan dilupuskan menerusi penyembelihan di rumah sembelih jabatan atau rumah sembelih swasta yang dilesenkan.

Disediakan oleh:

Jabatan Perkhidmatan Veterinar

Putrajaya

03 Jun 2021